

ABSTRAK

Kajian ini adalah satu usaha untuk meneliti aspek pemanfaatan teknik-teknik retorik dalam teks ucapan politik Dr. Mahathir Mohammad. Tujuan asas kajian ini ialah mengenal pasti dan seterusnya menghuraikan secara sistematis dari segi kualitatif dan kuantitatif teknik-teknik retorik yang dimanfaatkan dalam teks ucapan politik Dr. Mahathir Mohammad. Selain itu, ungkapan-ungkapan yang menandai sesuatu teknik retorik tertentu juga akan turut dikenal pasti dan dipaparkan.

Kajian ini berlandaskan kaedah kepustakaan. Satu kaedah analisis wacana gabungan yang diubahsuai yang bertunjangkan model analisis wacana Grimes (1975) adalah digunakan untuk menganalisis tiga cebisan teks ucapan politik Mahathir yang terpilih. Ketiga-tiga teks ucapan politik tersebut ialah ucapan Mahathir di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1992, 1994 dan 1996. Tiga cabisan teks ucapan ini telah dicerakinkan ayat demi ayat sehingga menjadi 1032 ayat untuk dijadikan sebagai sampel kajian.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat sejumlah 13 teknik retorik dan 37 subgolongannya telah dapat dikenal pasti dalam ucapan politik Mahathir. Namun, bukan semua teknik-teknik retorik ini adalah ditandai oleh ungkapan-ungkapan tertentu.

Selain itu, dapat dikesan juga sesetengah teknik retorik adalah lebih kerap wujud dalam topik ucapan tertentu berbanding dengan yang lain. Kajian ini turut memperlihatkan bahawa ucapan politik Melayu mempunyai teknik-teknik retoriknya yang tersendiri.

ABSTRACT

The purpose of this research is to analyse the various rhetorical techniques used in the political speeches delivered by Dr. Mahathir Mohamad. The main objective of this research is to provide a systematic textual analysis of the speeches, from the qualitative as well as the quantitative aspects. In addition, relevant phrases that can be classified under various rhetorical techniques are identified and presented.

Grimes' (1975) model of discourse analysis is adopted in a modified form and used to analyse three selected texts of Mahathir's political speeches. The three texts are Mahathir's speeches during the UMNO General Assembly in 1992, 1994 and 1996. These three texts are broken down into 1032 sentences and these sentences are used as research samples.

The findings of this research indicate that a total of 13 rhetorical techniques and 37 sub-techniques were employed in Mahathir's political speeches. Nevertheless, not all rhetorical techniques identified can be related to phrases.

Furthermore, certain rhetorical techniques tend to occur more frequently with certain speech topics rather than with other topics. This research also suggests that Malay political speeches possess their own rhetorical techniques.